

Suspek mengaku banyak dosa acu pisau lipat sambil bisik memanggil polis

Pelajar Unimas jadi tebusan

Oleh FARHANA JONI

utusansarawak@utusan.com.my

KUCHING 28 Nov. - Beberapa jam selepas seorang penjenayah menawan tujuh individu di sebuah salon di Kuala Krai, Kelantan, semalam, kejadian sama turut berlaku di sini melibatkan seorang pelajar Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

Dalam kejadian kira-kira pukul 5 petang itu, mangsa, Wan Norhayati Wan Mahmud, 22, dalam perjalanan ke Koperasi Kolej Cempaka di universiti itu bersama seorang rakan untuk membeli makanan sebelum muncul seorang pekerja buruh warga Indonesia berusia 30 tahun dan memeluknya.

Suspek yang berasal dari Jambi itu, kemudian mengacukan sebilah pisau lipat ke leher mangsa sambil membisikkan ke telinga gadis itu agar bertenang kerana tidak akan mencederakannya serta meminta mangsa memanggil polis.

Insiden mencemaskan itu turut disaksikan beberapa kakitangan universiti dan pelajar lain yang kemudian bertindak segera menghubungi polis.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) negeri, Datuk Zulkifli Hassan berkata, sebaik sahaja pasukan polis yang tiba kira-kira sejam kemudian, suspek menyerah diri.

"Suspek meminta mangsa jangan



SITI Nurfarawahida Abdul Rahim (kanan) menunjukkan bagaimana suspek mengacukan pisau lipat di leher Wan Norhayati Wan Mahmud dalam menjadi tebusan di Kuching, Sarawak, semalam.

bimbang. Saya tak akan cederakan kamu. Panggil polis, saya banyak lakukan dosa. Itu antara kata-kata yang diberitahu suspek kepada mangsa.

"Setibanya polis ke tempat kejadian, suspek tidak melawan sebaliknya terus menyerah diri," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Zulkifli berkata, siasatan awal terhadap suspek men-

dapati sebelum kejadian lelaki berkenaan menerima panggilan telefon daripada keluarganya di Indonesia.

Beliau berkata, setakat ini pihaknya masih menyiasat motif sebenar kejadian tersebut dan tidak menolak kemungkinan suspek mempunyai masalah keluarga di kampungnya sehingga bertindak sedemikian.

Katanya, siasatan mendapati suspek memiliki dokumen perjala-

Enam dijadikan tawanan selama 3 jam

KUALA KRAI 27 Nov. - Lima pekerja salon dan seorang pekerja restoran berhadapan detik cemas apabila menjadi tawanan seorang penjenayah berisengatkan pistol tiauan selama tiga jam di sebuah salon di Jalan Guchil di sinipetang ini.

Kejadian yang berlaku pada pukul 2.20 petang itu turut mengakibatkan dua daripada mereka pengsan yang mana seorang daripada mereka diserang asma.

Babak cemas seperti dalam drama yang sesi rundingan dan suspek



KERATAN Utusan Malaysia pada 28 November 2012 mengenai kejadian culik di Kuala Krai, Kelantan.

nan yang sah ketika memasuki negara ini dan kini ditahan di Balai Polis Samarahan mulai hari ini.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana melakukan ugutan jenayah.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) universiti berkenaan, Prof. Mohd. Fadzil Abd. Rahman berkata, pihak universiti menghantar pelajar terbabit ke klinik bagi mendapatkan rawatan kaunseling.

Katanya, pelajar terbabit yang berasal dari Kelantan itu kini dalam keadaan trauma dan terkejut.

"Suspek dipercayai bekerja dengan syarikat pembekal barang siling kepada kontraktor yang membina Fakulti Perubatan universiti ini.

"Buat masa ini, kawalan keselamatan universiti terkawal namun

kita mohon supaya piltak polis untuk melakukan rondaan berikutkan bilangan pelajar yang tinggal di di bahagian luar kampus semakin bertambah," katanya.

Sementara itu, Wan Noor Hayati ketika menceritakan semula detik-detik cemas tersebut berkata, dia tidak dapat melupakan insiden menjadi 'tawanan' kira-kira sejam bermula pada pukul 5.15 petang.

"Ketika kejadian saya sedang berjalan bersama seorang rakan, Siti Nurfarawahida Abdul Rahim, 22, untuk ke kelas sebelum saya ternampak kelibat seorang lelaki tiba-tiba menerpa dari arah belakang.

"Saya cuba untuk meleraikan pelukan lelaki tersebut termasuk memukulnya menggunakan payung yang dibawa tetapi pegangannya makin kuat," katanya.